



Oleh **Abd Razak Hussin**

Rashdan Baba susuk kecil berjiwa besar

Terharu penulis melihat keuzuran Profesor Emeritus Tan Sri Dr Rashdan Baba, 82, ketika menerima anugerah Tokoh Akademik Negara 2013 pada 2 September lalu. Anugerah yang disampaikan Perdana Menteri itu pengiktirafan tertinggi negara kepada seorang tokoh yang sangat berjasa dalam pembangunan dan pengukuhan pendidikan.

Rashdan, susuk tubuhnya kecil tetapi pemikiran dan jiwanya besar untuk memikul tanggungjawab kenegaraan yang berat apabila diamanahkan kepadanya. Sejarah pembabitannya dalam pendidikan negara begitu panjang, berliku dan menarik untuk dijadikan teladan rakyat negara ini, apatah lagi, bagi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Namanya diukir dengan tinta emas justeru pembabitannya secara langsung dalam sejarah penubuhan UKM itu sendiri. Beliau juga yang dilantik pemerintah untuk menerajui UKM yang ditubuhkan sebagai kemuncak kepada desakan untuk kewujudan sebuah universiti yang dapat menampung sebahagian kecil pelajar lepasan sistem pendidikan aliran kebangsaan.

Pada waktu itu, dengan kapasiti sangat terhad di Universiti Malaya, satu-satunya universiti yang ada dalam negara, pastinya peluang pengajian tinggi, khususnya untuk pelajar Melayu amat tipis.

Rashdan ialah segelintir ahli akademik yang memiliki doktor falsafah, bukanlah seorang yang bercita-cita besar dan apatah lagi melobi untuk menjadi Naib Canselor, malah tidak terfikir pun untuk menjawat jawatan itu.

Pelbagai alasan diberikannya kepada Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Razak untuk menolak tawaran itu, termasuk faktor umur yang baru 33 tahun, namun pihak kerajaan tetap mengangkat Rashdan sebagai Naib Canselor.

Hilang hujah Rashdan apabila Tun Razak mengatakan, "Saya sendiri menjadi Menteri Besar Pahang pada usia 29 tahun."

Pastinya pada waktu itu, Rashdan yang sedang menganggotai Jawatankuasa Penaja Penubuhan UKM, dilihat sebagai seorang tokoh yang paling layak memimpin sebuah universiti baru. Bukan saja beliau sedang memimpin Kolej Pertanian Malaya, satu daripada institusi pengajian tinggi negara, malah pengetahuan dan pembabitannya dalam jerih



RASHDAN menerima anugerah Tokoh Akademik Negara 2013 daripada Najib.

payah menubuhkan UKM sangat difahaminya.

Dalam catatan Biografi Rashdan Baba terbitan UKM 2004, apabila dilantik sebagai Naib Canselor pada 1 September 1969, beliau dengan tegas, penuh amanah dan tanggungjawab mengungkapkan, "Saya sanggup berbuat apa saja untuk mengangkat martabat bangsa dan nama baik negara."

Pada saat Rashdan dilantik Naib Canselor dan UKM ditubuhkan pada 18 Mei 1970, negara sedang bergelut dengan keruncingan perpaduan nasional yang dimanifestasikan oleh peristiwa 13 Mei 1969.

Jernih bubungan kaum

Beliau yang menganggotai Jawatankuasa Sosial di bawah Majlis Gerakan Negara yang dibentuk sejurus peristiwa itu, dilihat sebagai tokoh pendidikan yang berani dan berupaya menzahirkan pemikiran bernas bagi memupuk penjernihan hubungan antara kaum yang sedang terjejas.

Antara cadangannya kepada Tun Razak adalah sukatan pelajaran diselaraskan untuk semua aliran pendidikan, menggunakan buku teks yang sama, bahkan uniform dan warna pakaian sekolah diseragamkan. Beliau yakin, pempukan semangat kenegaraan sejak di bangku sekolah, akan menjadikan rakyat Malaysia yang pelbagai itu dapat diperteguhkan.

Tidaklah mudah untuk membangunkan sebuah universiti yang membawa aspirasi kebangsaan pada tubuhnya. Demikian yang dihadapi Rashdan. Namun dengan dukungan Pendaftar UKM pertama, Abdullah Mohd Salleh (Tun) yang sebelumnya Setiausaha Sulit Perdana Menteri, Menteri Pelajaran, Abdul Rahman Yaakub (Tun), kerajaan dan pemerintah

Indonesia, segala kepayahan dapat ditempuh dengan berani.

Bagi meredakan sentimen kecurigaan terhadap UKM yang ditubuhkan sejurus selepas peristiwa 13 Mei dan mengimbangi tuntutan masyarakat yang ingin memartabatkan bahasa jiwa bangsa, Rashdan menegaskan bahawa UKM sebuah universiti untuk semua rakyat, tanpa mengira kaum, agama dan latar belakang bagi menampung pelajar yang menguasai bahasa Melayu.

Beliau turut meminta 192 pelajar kohort pertama UKM berkongsi perjuangannya dengan menggesa agar tabah menghadapi segala cabaran dan rintangan. Beliau menimbulkan kegusarannya bahawa masyarakat sedang menghakimi UKM yang menggunakan bahasa Melayu dalam pengajian Islam, Sastera dan Sains berasaskan kepada kejayaan atau kegagalan kumpulan sulung itu.

Ternyata dengan keperibadian Rashdan yang lembut, namun tegas dan berdisiplin itu, sudah menyatukan pelbagai pemegang taruh di dalam kampus, termasuk pelajar, kerajaan dan masyarakat untuk mendukung dengan kuat kewujudan UKM. Bukan saja Melayu, malah rakyat Malaysia umumnya mula memandang tinggi dan menghormati UKM sebagai universiti rakyat tempat mereka menandatangani harapan.

Pengalaman bermakna sebagai Naib Canselor UKM walaupun hanya berlangsung dua tahun, meyakinkan kerajaan untuk melantik Rashdan menjadi peneraju Universiti Pertanian Malaysia yang ditubuhkan pada 1971 bagi membina asas kukuh sebagaimana dipaparkan pada UKM.

Penulis Timbalan Pengarah di Jabatan Canselor, UKM